



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA
JANUARI 2026**

**Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 5.9 peratus
pada Januari 2026 dengan sektor Pembuatan
mengukuh 7.3 peratus**

PUTRAJAYA, 10 MAC 2026 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia meningkat 5.9 peratus tahun ke tahun pada Januari 2026 dengan sektor Pembuatan mengukuh 7.3 peratus. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia Januari 2026** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Pertumbuhan IPP meningkat 5.9 peratus pada Januari 2026 selepas mencatatkan 4.8 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh sektor Pembuatan yang meningkat sebanyak 7.3 peratus (Disember 2025: 6.7%), disertai dengan peningkatan marginal 0.1 peratus dalam pengeluaran sektor Perlombongan (Disember 2025: -2.5%). Tambahan pula, output Elektrik bertumbuh 6.3 peratus pada Januari 2026 (Disember 2025: 3.8%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP mencatatkan sedikit peningkatan kepada 0.7 peratus daripada 0.2 peratus yang dicatatkan pada Disember 2025.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Output berorientasikan eksport yang menyumbang dua pertiga daripada sektor Pembuatan bertumbuh sederhana sebanyak 7.8 peratus pada Januari 2026 berbanding 7.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal; dan diikuti oleh Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan masing-masing yang meningkat sebanyak 17.2 peratus dan 20.7 peratus. Pengembangan tahun ke tahun ini mencerminkan prestasi eksport negara yang lebih baik, meningkat 19.6 peratus pada Januari 2026. Perbandingan dengan Disember 2025, industri berorientasikan eksport terus mencatatkan

pertumbuhan negatif iaitu 0.7 peratus selepas merekodkan negatif 0.1 peratus pada bulan sebelumnya.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat 6.4 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.2 peratus pada Disember 2025. Pertumbuhan ini diterajui terutamanya oleh Pembuatan produk prosesan makanan yang bertumbuh 8.9 peratus dan diikuti oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan sebanyak 8.5 peratus. Perbandingan dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik meningkat 2.4 peratus berbanding pertumbuhan positif 1.0 peratus yang direkodkan pada Disember 2025.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan pada Januari 2026 kembali mencatatkan pertumbuhan 0.1 peratus berbanding negatif 2.5 peratus disokong oleh pertumbuhan sederhana dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat yang bertumbuh 3.8 peratus (Disember 2025: 6.4%). Sementara itu, output Gas Asli kekal merosot walaupun pada kadar penyusutan yang lebih kecil iaitu negatif 2.1 peratus (Disember 2025: -7.9%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, indeks Perlombongan kembali mencatatkan peningkatan 2.1 peratus berbanding pertumbuhan negatif 0.9 peratus yang direkodkan pada Disember 2025. Sementara itu, penjanaan Elektrik meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun pada Januari 2026 selepas mencatatkan peningkatan 3.8 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan dengan Disember 2025, indeks Elektrik meningkat secara marginal 0.2 peratus selepas mencatatkan positif 2.2 peratus pada bulan lepas.”


Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat termasuk China (5.2%), Amerika Syarikat (2.3%), Korea Selatan (7.1%), Singapura (16.6%), Vietnam (21.5%), dan Taiwan (28.5%). Sebaliknya, Thailand (1.5%) dan Japan (2.3%) mengalami peningkatan walaupun pada kadar positif yang lebih kecil pada bulan ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Januari 2025 - Januari 2026**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Januari 2025 - Januari 2026**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Disember 2025 dan Januari 2026**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Januari 2025 - Januari 2026



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Disember 2025 dan Januari 2026



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Disember 2025 dan Januari 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 MAC 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
JANUARY 2026**

**The Industrial Production Index rose by 5.9 per cent
in January 2026, with the Manufacturing sector
strengthening by 7.3 per cent**

PUTRAJAYA, MARCH 10, 2026 – The Industrial Production Index rose by 5.9 per cent year-on-year in January 2026, with the Manufacturing sector strengthening by 7.3 per cent. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, January 2026**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, "The IPI's growth increased by 5.9 per cent in January 2026 after registering 4.8 per cent in the previous month. This performance was supported by the Manufacturing sector, which up by 7.3 per cent (December 2025: 6.7%) coupled with the increased marginally by 0.1 per cent in the Mining sector production (December 2025: -2.5%). Additionally, the Electricity output grew by 6.3 per cent in January 2026 (December 2025: 3.8%). In terms of month-on-month, the IPI rose slightly by 0.7 per cent from 0.2 per cent registered in December 2025."

The Chief Statistician further commented, "The output for the export-oriented industries which accounted for two-thirds of Manufacturing sector, slightly grew by 7.8 per cent in January 2026 as compared to 7.5 per cent registered in the previous month.

The growth was supported mainly by the Manufacture of computer, electronics & optical products; and followed by the Manufacture of vegetable & animal oils & fats which increased by 17.2 per cent and 20.7 per cent respectively. The year-on-year expansion mirrored the country's better export performance, which increased by 19.6 per cent in January 2026. Compared to December 2025, the export-oriented industries

continued registering a negative growth of 0.7 per cent after recording a negative 0.1 per cent growth in the previous month.

Furthermore, the domestic-oriented industries increased by 6.4 per cent after registering a growth of 5.2 per cent in December 2025. This growth was primarily led by the Manufacture of food processing products grew by 8.9 per cent and followed by an increased in the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment at 8.5 per cent. In comparison to the preceding month, the domestic-oriented industries increased by 2.4 per cent as compared to the positive growth of 1.0 per cent recorded in December 2025.”

Elaborating further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The production of Mining sector in January 2026 turned around by 0.1 per cent as against negative 2.5 per cent supported by grows modestly in the Crude Oil & Condensate index grew at 3.8 per cent (December 2025: 6.4%). Meanwhile, the Natural Gas output remained in decline, albeit with a smaller negative of 2.1 per cent (December 2025: -7.9%). As compared to the previous month, the Mining index turn upward at 2.1 per cent as compared to the growth of negative 0.9 per cent recorded in December 2025. In addition, the generation of Electricity increased by 6.3 per cent year-on-year in January 2026 after registering an increase of 3.8 per cent in the preceding month. In comparison with December 2025, the Electricity index rose marginally by 0.2 per cent after registering positive 2.2 per cent in the previous month.”


On a global scale, the IPI for several countries increased, including China (5.2%), United States (2.3%), South Korea (7.1%), Singapore (16.6%), Vietnam (21.5%), and and Taiwan (28.5%). Conversely, Thailand (1.5%) and Japan (2.3%) experienced an increased, albeit with a smaller positive during this month.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
January 2025 – January 2026**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
January 2025 – January 2026**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Sub-sector, Malaysia, December 2025 and January 2026




Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, January 2025 – January 2026




Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, December 2025 and January 2026





Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia, December 2025 and January 2026



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 MARCH 2026**